

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)**

SOALAN

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kes pemandu mabuk yang dilaporkan dan jumlah kes kemalangan akibat pemandu mabuk yang dilaporkan sejak 2019 sehingga kini dan apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Merujuk statistik yang dikemukakan oleh pihak PDRM, jumlah kes yang melibatkan pemanduan mabuk sejak 2019 sehingga kini adalah seperti berikut :

BIL	TAHUN	KES Pemanduan Mabuk		JUMLAH
		KEMALANGAN	BUKAN KEMALANGAN	
1	2019	62	1,746	1,808
2	2020	176	3,548	3,724
3	2021 (JAN-OKT)	101	2,055	2,156
JUMLAH		339	7,349	7,688

NO. SOALAN : 45

2. Kementerian Pengangkutan telah pun menguatkuasakan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan (1987) mulai 23 Oktober 2020. Sejak berkuatkuasanya pindaan Akta tersebut, hukuman yang lebih berat telah diperuntukkan termasuk meningkatkan kadar denda, tempoh penjara dan menjadikan hukuman penjara sebagai mandatori bagi jenis-jenis kesalahan tertentu termasuk kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol atau dadah. Pindaan hukuman ini bertujuan menjadi satu bentuk *deterrence* dan memupuk kesedaran kepada orang ramai ke atas pematuhan undang-undang.

3. Kementerian Pengangkutan juga telah meminta pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) untuk melaksanakan satu kajian keberkesanaan ke atas semua langkah intervensi yang dijalankan bukan sahaja oleh Kementerian Pengangkutan, tetapi oleh semua pihak pemegang taruh yang lain, bagi menangani isu memandu di bawah pengaruh bahan terlarang, memandangkan pindaan RUU 333 tersebut telah dikuatkuasakan hampir setahun. Di samping itu, kajian ini juga akan mengesyorkan lain-lain langkah intervensi dan kaedah yang boleh dilaksanakan bagi menangani isu pemandu mabuk ini di masa hadapan.

4. Dalam pada masa itu, Kementerian Pengangkutan akan terus bekerjasama dengan pihak KDN dan PDRM dalam melaksanakan program sedia ada seperti melaksanakan aktiviti kempen dan advokasi serta mengukuhkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah permohonan kewarganegaraan dari Sarawak di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) Perlembagaan Malaysia yang tertanggung dan/atau belum diselesaikan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2017 sehingga 11 Oktober 2021, sebanyak **1,523 permohonan** di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) Perlembagaan Persekutuan yang didaftarkan di negeri Sarawak dan sebanyak **1,212 permohonan dalam proses**.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah keputusan kajian penggunaan Ivermectin dalam rawatan COVID-19 dan apakah langkah-langkah seterusnya untuk rawatan COVID-19 yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan di Malaysia dan sama ada rawatan ubat tradisional akan dipertimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 3 November 2021, Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), NIH telah mengumumkan hasil dapatan kajian Ivermectin (I-TECH) ke atas 500 pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke hospital dengan kategori 2 atau 3 COVID-19. Kajian klinikal *open-label randomised trial* tersebut **menilai keberkesanan rawatan 5 hari ivermectin (0.4mg/kg/hari) berserta penjagaan standard (kumpulan IVM), berbanding dengan hanya penjagaan standard (kumpulan SOC) yang berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk pesakit COVID-19 di 20 hospital kerajaan dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 MAEPS 2.0.** Sesi libat urus bersama media juga turut dilaksanakan pada 9 November 2021 dan hasil dapatan kajian adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 47

- i. **Kadar kemerosotan penyakit COVID-19 kepada tahap teruk adalah sama** di dalam kumpulan *Ivermectin* jika dibandingkan dengan kumpulan *standard of care*.
- ii. Manakala bagi **purata tempoh kemerosotan penyakit COVID-19 daripada kategori 2 & 3 kepada kategori yang lebih teruk iaitu kategori 4 dan 5 pula, menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan** daripada segi statistik berkaitan antara kumpulan *IVM* dan kumpulan *standard of care*.
- iii. **Tiada perbezaan ketara didapati daripada segi kemasukan ke ICU, penggunaan alat bantuan pernafasan mekanikal, pemulihan simptom, parameter ujian darah dan resolusi imbasan X-Ray dada** antara kedua-dua kumpulan tersebut.
- iv. Kebarangkalian untuk pulih daripada gejala sepenuhnya pada hari ke-5 penyertaan antara kumpulan *IVM* dengan *SOC* adalah hampir sama, yang mana tiada perbezaan yang signifikan daripada segi statistik.
- v. Selain itu, **analisis keselamatan melaporkan bahawa kejadian kesan sampingan adalah tiga (3) kali lebih kerap berlaku di dalam kumpulan *IVM* berbanding kumpulan *SOC*; di mana kebanyakannya adalah kes cirit birit.**

2. Berdasarkan hasil kajian I-TECH, Ivermectin tidak disyorkan untuk dimasukkan ke dalam garis panduan rawatan COVID-19 sedia ada kerana ivermectin tidak mengurangkan risiko penyakit COVID-19 tahap teruk. KKM menyarankan agar Ivermectin hanya digunakan dalam kajian klinikal dengan pemantauan.

3. Langkah seterusnya oleh KKM adalah membuat perolehan 150,000 pakej rawatan untuk merawat pesakit yang dijangkiti oleh COVID-19. Pada 14 Oktober 2021 yang lalu, Menteri Kesihatan telah mengumumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah menandatangani perjanjian

SOALAN NO : 47

pembelian ubat **antiviral Molnupiravir** dengan syarikat Merck Sharp & Dohme bagi tujuan tersebut. Berdasarkan kajian antarabangsa, ubat antiviral ini berupaya untuk menurunkan kadar kemasukan ke wad sebanyak 50 peratus selain turut berkesan ke atas varian-varian virus Covid-19 yang lebih mudah merebak seperti Gamma, Delta dan Mu.

4. Molnupiravir merupakan rawatan inovatif baharu bagi pesakit Covid-19 dan akan diberikan kepada golongan pesakit yang berisiko tinggi untuk menjadi lebih teruk. Ini termasuk pesakit yang mempunyai imun yang rendah (*immunocompromised*) dan lain- lain bergantung kepada penilaian klinikal oleh pakar yang merawat.

5. Kementerian Kesihatan akan terus memantau sebarang penghasilan baru ubat antiviral di peringkat global dan sekiranya didapati bersesuaian pihak Kementerian Kesihatan akan meneliti data-data keselamatan dan keberkesanan ubat tersebut sebelum dipertimbangkan untuk perolehan dilaksanakan bagi kegunaan di Malaysia.

6. Untuk makluman, pendekatan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam pengurusan COVID-19 adalah berasaskan perubahan moden dengan bukti keberkesanan saintifik berdasarkan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia serta panduan daripada *World Health Organization*.

7. Buat masa ini, penawaran perkhidmatan perubatan tradisional dalam pencegahan dan rawatan COVID-19 adalah atas inisiatif sektor swasta dan tertakluk kepada pilihan pesakit sendiri. Pesakit dikehendaki mengikut protokol rawatan COVID-19 sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, di samping menerima perkhidmatan perubatan tradisional di sektor swasta.

8. Pihak kerajaan sentiasa terbuka dalam menerokai potensi penggunaan herba untuk indikasi terapeutik termasuk dalam mencegah dan merawat penyakit COVID-19. Walau bagaimanapun, ia perlu mematuhi standard dan peraturan yang ditetapkan dari segi kualiti, efikasi

dan keselamatan. Adalah dimaklumkan bahawa semua produk herba atau produk perubatan tradisional adalah wajib berdaftar dengan pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan sebelum ia dipasarkan di Malaysia. Ini adalah penting untuk memastikan produk-produk ini menepati standard kualiti dan keselamatan yang ditetapkan oleh Kerajaan serta disokong dengan bukti keberkesanan.

Tuan Yang Di Pertua,

9. Kementerian Kesihatan mengambil maklum potensi sumbangan perubatan tradisional Cina (PTC) dalam pencegahan dan rawatan COVID-19 di negara China. Namun, berdasarkan hasil perbincangan dengan delegasi pakar PTC daripada China, didapati bahawa terdapat perbezaan daripada segi sistem penjagaan kesihatan dan pengawalseliaan antara negara China dan Malaysia. Disebabkan amalan PTC adalah berasaskan faktor-faktor seperti keperluan dan ciri-ciri individu pesakit (*individual state of illness*), keadaan iklim dan geografi tempatan, maka, kajian yang berkualiti adalah diperlukan untuk menyokong penggunaan ramuan ubat herba PTC dalam rawatan COVID-19 di Malaysia.

10. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan sedang bekerjasama dengan sektor swasta untuk menjalankan projek penyelidikan dengan tujuan untuk mendapatkan data yang boleh membantu dalam keputusan dasar Kementerian Kesihatan bagi penggunaan PTC dalam rawatan COVID-19. Kementerian Kesihatan juga sentiasa menggalakkan industri perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) di Malaysia untuk melibatkan diri dalam menjalankan kajian. Ini adalah penting untuk memperoleh bukti saintifik bagi menyokong aspek keselamatan dan keberkesanan penggunaan PT&K serta membantu perkembangan industri PT&K di Malaysia.

Sekian, terima kasih.